

Bil. S 6

**AKTA KESIHATAN AWAM (MAKANAN)
(PENGAL 182)**

PERATURAN-PERATURAN KESIHATAN AWAM (MAKANAN) (PINDAAN), 2013

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
 2. Pindaan Jadual Keempat Belas kepada Peraturan 1 dari Penggal 182.
-

**AKTA KESIHATAN AWAM (MAKANAN)
(PENGAL 182)**

PERATURAN-PERATURAN KESIHATAN AWAM (MAKANAN) (PINDAAN), 2013

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 16 dari Akta Kesihatan Awam (Makanan), maka Menteri Kesihatan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Kesihatan Awam (Makanan) (Pindaan), 2013.

Pindaan Jadual Keempat Belas kepada Peraturan 1 dari Penggal 182.

2. Jadual Keempat Belas kepada Peraturan-Peraturan Kesihatan Awam (Makanan) adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan butiran-butiran baru yang berikut menurut susunan abjad yang berkenaan dan dalam ruang-ruang yang berkenaan —

“abamectin	0.01	lada cili
cyhalothrin	0.2	kacang soy belum masak
fenvalerate	1.0	mangga
profenofos	3	cili
	0.2	mangga
	10	manggis”;

(b) berkaitan dengan “chlorpyrifos” —

(i) dengan memotong butiran-butiran yang berikut dari ruang kedua dan ketiga —

“0.1 bijirin”; dan

(ii) menggantikannya dengan butiran-butiran baru yang berikut —

“0.5	beras
0.1	bijirin lain”;

(c) berkaitan dengan “cypermethrin” —

(i) dengan memotong butiran-butiran yang berikut dari ruang kedua dan ketiga —

“0.2	sayur-sayuran tidak berdaun
1.0	buah-buahan”;

dan

(ii) menggantikannya dengan butiran-butiran baru yang berikut —

“0.3	asparagus
0.2	sayur-sayuran tidak berdaun lain
0.1	longan
1.0	buah-buahan lain”;

(d) berkaitan dengan “deltamethrin” —

(i) dengan memotong butiran-butiran yang berikut dari ruang kedua dan ketiga —

“0.01	sayur-sayuran tidak berdaun
0.01	buah-buahan”;

dan

(ii) menggantikannya dengan butiran-butiran baru yang berikut —

“0.1	asparagus
0.01	sayur-sayuran tidak berdaun
0.2	mangga
0.01	buah-buahan lain”;

(e) berkaitan dengan “malathion” —

(i) dengan memotong butiran-butiran yang berikut dari ruang kedua dan ketiga —

“2.0	buah-buahan”;
------	---------------

dan

(ii) menggantikannya dengan butiran-butiran baru yang berikut —

“0.2	pummelo
2.0	buah-buahan lain”.

Diperbuat pada hari ini 17 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1434 bersamaan dengan 29 haribulan Januari, 2013.

PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA
AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB
DATO SERI SETIA AWANG HAJI MOHD YUSOF
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.